

'Segerakkan program, projek asas untuk rakyat'

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua program dan projek asas untuk rakyat yang amat memerlukan seperti membasmi kemiskinan tegar serta tebatan banjir disegerakan.

Perdana Menteri berkata, unjuran sesuatu projek yang mengambil masa begitu lama untuk disiapkan perlu dirombak semula dan diselesaikan dalam tempoh yang singkat sebaik

mungkin.

“Saya setuju dalam perbincangan, kita harus rombak itu semua, kalau banjir itu mengorbankan nyawa, mengorbankan harta, tak perlu tunggu sehingga enam tahun (untuk siapkan projek tebatan).

“Jadi hal ini yang harus diteliti semua KSU (Ketua Setiausaha kementerian), kalau tidak, KSU baharu datang, kemudian tengok skim banjir untuk te-

batan banjir (sebagai contoh) Fasa 1 Rantau Panjang (Kelantan) dah siap, fasa kedua tahun 2026, fasa ketiga 2029, jadi orang Rantau Panjang kena tunggu 15 tahun baru nak siap,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat Tahun Baharu 2025 dalam perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan se-

dia melaksanakan sebarang kemungkinan, termasuk melakukan penjimatan jika perlu untuk memastikan semua projek berkenaan disegerakan.

“Tak usah bangkit mengenai keupayaan negeri, saya tak mahu dengar, yang saya tahu kerja mesti diselesaikan, kerjasama dan perubahan tentunya memabitkan peruntukan kewangan yang besar, tetapi kalau perlu potong peruntukan dari tempat

lain, kita potong.

“Kita mesti selesaikan perkara asas yang dihadapi rakyat, sebab itu kita beri keutamaan kepada pendidikan, kesihatan dan tentunya keselamatan awam,” katanya.

Justeru, beliau mengingatkan semua pimpinan kerajaan dan penjawat awam supaya sentiasa turun ke lapangan dan melihat sendiri apa yang dihadapi oleh rakyat.